

KERJASAMA DAN JAMINAN PENGIKTIRAFAN HALAL NEGARA ANGGOTA MABIMS: NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGENALAN

Halal haram permakanan merupakan perkara penting yang ditekankan oleh Islam kepada umatnya agar mengikut standard halal yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadith. Jaminan untuk mendapatkan produk halal pada masa kini di pasaran sudah diterjemahkan melalui pelabelan halal “logo halal” bagi memudahkan pengguna Muslim memperolehi produk yang benar-benar halal statusnya dan juga selamat untuk digunakan dan dimakan. Piawaian halal juga sudah dibangunkan di negara-negara yang mementingkan peranan industri halal di pasaran, yang mana logo halal sudah dianggap sebagai “*marketing tools*” dalam industri produk halal di peringkat global.

Oleh yang demikian, halal bukanlah satu pelabelan kepada pengguna Islam sahaja tetapi ianya sudah dilihat sebagai satu simbol atau penanda aras bagi kualiti dan mutu sesuatu produk untuk memenuhi keperluan pengguna dalam pelbagai aspek seperti keselamatan, kebersihan, pengendalian, pemprosesan dan sebagainya.

Dalam membincangkan berkenaan penjenamaan halal “logo halal” pada produk yang dipasarkan ianya memberi galakan dan dorongan kepada pengguna untuk mendapatkan produk tersebut. Walau bagaimanapun, perihal pensijilan halal telah membawa kepada beberapa isu, iaitu isu pemalsuan, penyalahgunaan dan penyelewengan logo halal, kepelbagaian logo halal di

pasaran, ketidakpatuhan pengusaha dan juga isu pemantauan dan penguatkuasaan logo halal.

Walaupun Negara-negara anggota MABIMS umumnya sudah dikenali dunia sebagai negara contoh dalam perindustrian halal apabila mempunyai standard khusus yang digunakan dalam pensijilan halal dan juga mempunyai undang-undang khusus yang dikuatkuasakan bagi menangani permasalahan halal yang timbul, tidak bererti bebas daripada pelbagai isu yang berkaitan dengan pensijilan halal. Untuk menangani masalah ini, MABIMS memerlukan kerjasama yang rapat sama ada dalam kerangka hubungan duahala (bilateral) atau pun pelbagai hala (multilateral) bagi membolehkan sebahagian besar daripada isu tersebut ditangani secara berkesan.

2. UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN HALAL DI BRUNEI DARUSSALAM

Undang-undang, standard dan perakuan "Halal" sudah mula diterima pakai di peringkat global yang mana terdapat beberapa buah negara yang mengiktiraf halal di dalam undang-undang serta meletakkan pensijilan halal di dalam standard-standard yang digunapakai di negara tersebut. Selain itu, istilah "halal" sudah diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) sejak Jun 1997. Ianya bermula apabila Codex Alimentarius Commission¹ telah menerima pakai garis panduan

¹ Pada tahun 1962, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) menubuhkan Suruhanjaya Codex Alimentarius. "Codex Alimentarius" adalah berasal daripada perkataan latin yang bermaksud "kod makanan" atau "undang-undang makanan". Codex Alimentarius mempunyai standard makanan bagi pelbagai jenis komoditi makanan, kod amalan kebersihan atau teknologi,

umum untuk menggunakan istilah “halal” pada sesi ke-22 Persidangan Codex Alimentarius Commission di Geneva. Suruhanjaya Codex Alimentarius telah diiktiraf secara rasmi di Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dalam *Agreement On The Application Of Sanitary And Phytosanitary Measures (SPS)* dan *Agreement On Technical Barriers To Trade (TBT)*. Dengan termeterainya kedua-dua perjanjian ini maka Codex telah menjadi rujukan antarabangsa bagi memudahkan perdagangan antarabangsa dan menyelesaikan pertikaian perdagangan di dalam undang-undang antarabangsa.

Kejayaan memasukkan istilah “halal” ini membantu industri produk halal di peringkat perdagangan antarabangsa. Selain daripada itu, terdapat juga negara-negara yang mempunyai undang-undang dan standard khusus berkenaan halal seperti Indonesia, Singapura, Malaysia, New Jersey, Illinois, Minnesota, California dan Michigan. Brunei juga tidak terkecuali mempunyai undang-undang tersendiri berkaitan produk halal yang digunakan bagi proses pensijilan halal secara teratur.

2.1 Pentadbiran Dan Undang-Undang Berkaitan Pensijilan Halal Di Brunei Darussalam

Pengurusan pentadbiran berkenaan halal merupakan perkara yang menjadi keperluan kepada pengguna di Brunei Darussalam khususnya untuk mengetahui pihak yang mengurus tadbir dan bertanggungjawab dalam menggalas tugas pengurusan pentadbiran ini.

penilaian racun perosak, aditif makanan dan dadah veterinary, dan juga kadar maksimum residu racun perosak dan kontaminan.

Kuasa perundangan dalam hal pengurusan berkaitan dengan halal adalah di bawah kuasa Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005, meletakkan bahawa Majlis adalah badan yang mengeluarkan Sijil Halal di Brunei yang mana sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkan Sijil Halal selain MUIB, maka boleh diambil tindakan kerana melanggar perintah ini. Sehubungan dengan itu Majlis Ugama Islam telah melantik Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah sebagai urus setia MUIB dalam apa jua yang berkaitan dengan hal ehwal halal.

2.2 Undang-Undang Berkaitan Halal di Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam mempunyai beberapa buah undang-undang bagi mengawal kehalalan makanan, pengiktirafan premis-premis makanan halal, pusat-pusat penyembelihan dalam negeri dan luar negeri dan barang-barang makanan yang diimport dari luar negeri. Undang-Undang tersebut ialah:

2.2.1 Akta Daging Halal, Penggal 183

Akta ini adalah salah satu akta yang digubal bagi mengawal dan menjamin kehalalan daging-daging yang diimport dari luar negeri dengan pengiktirafan halal, dari segi sembelihan dan pengendaliannya adalah menurut hukum syara'.

Setiap pengimportan daging hendaklah mengikut prosedur sebagaimana peruntukan undang-undang tersebut. Akta ini juga memperuntukkan dikenakan kesalahan serta penalti ke atas kesalahan-kesalahan yang

dilakukan serta kuasa-kuasa bertindak berhubung dengan kesalahan-kesalahan tersebut.

Di dalam Akta Daging Halal ini dinyatakan beberapa syarat penting seperti soal pengimportan daging halal yang mana daging-daging mestilah diimport dari negara-negara yang bebas daripada penyakit-penyakit berbahaya dan pembekalan daging halal adalah dari senarai pengiktirafan Majlis. Di dalam bab 5 cerai (4) akta ini menyatakan bahawa "*apabila sijil halal dikeluarkan berkaitan mana-mana daging, tanda halal hendaklah dipamerkan pada daging tersebut oleh pembekal, tanda halal hendaklah terus dipamerkan semasa daging tersebut dijual.*" Sekiranya sesiapa yang melanggar cerai (4) bab 5 ini maka hukumannya adalah penjara tidak melebihi setahun, suatu denda tidak melebihi \$4,000 atau kedua-duanya sekali, dan jika kesalahan kedua adalah penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$8,000, dan mahkamah hendaklah membatalkan lesen.

2.1 Aturan-Aturan Daging Halal, 1999

Undang-undang ini dibina adalah bagi mula berjalan kuatkuasanya Akta Daging Halal, Penggal 183. Ia nya bukan sahaja mengenai peruntukan pengimportan daging ke Brunei Darussalam tetapi termasuk juga penyelenggaraan dan penyembelihan daging halal tempatan. Aturan-Aturan ini mengandungi prosedur-prosedur yang berkaitan dengan Akta Daging Halal, Penggal 183 seperti permohonan-permohonan bagi mendapatkan perkara-perkara berikut:

- i. Permit Import Halal
- ii. Lesen Membekal Daging Halal Tempatan
- iii. Sijil Penyembelihan
- iv. Sijil Halal

v. Tanda Halal.

2.1.1 Perintah Sijil Halal Dan Label Halal, 2005

Di Brunei Darussalam pensijilan halal merupakan suatu jaminan penting kepada pengguna untuk mendapatkan produk dan premis makanan dan minuman yang diakui sah kehalalannya. Pensijilan halal bermaksud sijil halal yang dikeluarkan oleh badan yang berautoriti dan di Brunei Darussalam iaitu Majlis Ugama Islam Brunei, merupakan penggeluar tunggal di Negara ini yang diiktiraf oleh Kerajaan. Pensijilan halal yang diperolehi ini membolehkan penggunaan logo halal MUIB tersebut dipaparkan ke atas produk dan juga premis pemohon. Penggunaan logo halal ini, hanya dibenarkan kepada yang telah mengambil pensijilan halal daripada MUIB dan sekiranya pemalsuan dilakukan terhadap logo tersebut, maka ianya adalah tertakluk kepada undang-undang Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 digubal adalah bagi mengawalselia pengeluaran sijil dan permit berkaitan dengan makanan halal bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya. Perintah ini memperuntukkan perlantikan Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pegawai-Pegawai Pemeriksa Halal (Juruaudit Halal).

Perintah ini juga memperuntukkan mengenai penguatkuasaan Sijil Halal dan Label Halal serta kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya.

Kesalahan-kesalahan yang ada di dalam Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 ini adalah seperti kesalahan pengasingan makanan yang mana Majlis boleh dengan notis bertulis menghendaki pemegang sijil untuk mengasingkan bungkusan-bungkusan yang mempunyai label dari bungkusan-bungkusan lain.

Sekiranya gagal mematuhi tanpa sebarang sebab munasabah, maka dikira melakukan kesalahan yang boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dari \$4,000 dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan jika melakukan kesalahan yang sama berikutnya dikenakan denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya. Kesalahan-kesalahan lain adalah mempamerkan sijil yang tamat tempohnya, menghalang pegawai penguatkuasa , kegagalan mematuhi perintah, sijil dan permit tidak boleh diubah dan lain-lain.

2.2 Akta Kesihatan Awam (Makanan), Penggal 182

Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182 dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam. Akta ini digubal bagi mengawal keselamatan makanan sama ada yang disediakan di dalam negeri mahupun barang-barang makanan yang diimport dari luar negeri.

2.3 Standard/Piawai Makanan Halal Negara Brunei Darussalam

Pengeluaran pensijilan halal adalah tertakluk kepada garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan oleh MUIB. Piawaian asas yang digunakan ini adalah dijadikan mandatori untuk dipatuhi oleh pengusaha yang mahu mendapatkan pensijilan halal kerana sekiranya terdapat ketidakpatuhan berhubung dengan piawaian ini, maka proses permohonan pensijilan halal yang dipohon akan tergendala manakala pensijilan halal yang telah diperolehi akan diambil tindakan.

Skop Piawai ini mengandungi garis panduan yang praktikal bagi industri makanan halal. Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi perniagaan makanan di Brunei Darussalam. Ia digunakan oleh MUIB sebagai asas untuk pensijilan halal di samping garis panduan yang lain sebagai pelengkap proses pensijilan halal.

Standard Makanan Halal Brunei Darussalam telah menetapkan bahawa takrif Makanan Halal adalah seperti berikut: "*Makanan Halal*" bermaksud makanan yang layak dimakan oleh manusia dan yang dibenarkan oleh Hukum Syara' serta memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Makanan tersebut atau ramuannya tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk daripada haiwan yang tidak halal kepada orang Islam menurut Hukum Syara' atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut Hukum Syara'.
- ii. Makanan tersebut tidak mengandungi sebarang ramuan daripada bahan najis mengikut Hukum Syara'
- iii. Makanan tersebut adalah selamat dan tidak memudaratkan
- iv. Makanan tersebut tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari bahan-bahan najis mengikut Hukum Syara'.
- v. Makanan tersebut atau ramuannya tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syara'.
- vi. Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut diasingkan secara fizikal dari sebarang makanan lain yang tidak menepati keperluan yang dinyatakan dalam butiran (i), (ii), (iii), (iv) atau (v) di atas atau

sebarang bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis mengikut Hukum Syara'

Kesimpulannya sesuatu makanan yang diproses boleh dikelaskan sebagai halal sekiranya ia dihasilkan dengan menggunakan bahan mentah, komponen dan aditif yang halal serta pemrosesannya berasaskan panduan yang ditetapkan syarak. Dengan kata lain, aspek halal dalam pemakanan adalah merangkumi penyediaan, pemrosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan. Keseluruhannya hendaklah tidak terkeluar daripada ketentuan syarak.

2.4 Garispanduan Halal

Garispanduan ini bertujuan dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak pengeluar sijil halal bagi menentukan kehalalan sesuatu produk. Panduan ini juga memberi kefahaman dan penjelasan kepada pengusaha dan orang awam mengenai aspek halal mengikut syarak yang merangkumi penyediaan, pemrosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan bagi makanan dan minuman orang Islam. Garispanduan yang telah disediakan ialah:

- i. Garispanduan Pensijilan Brunei bagi Pensijilan Halal (BCG 1)
- ii. Garispanduan Pensijilan Brunei bagi Audit Pematuhan Halal (BCG 2)
- iii. Garispanduan Pensijilan Brunei bagi Juruaudit Pematuhan Halal (BCG 3)
- iv. Garispanduan Pensijilan Brunei bagi Audit Pemantauan Halal (BCG 4)

- v. Garispanduan Bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal (GD 24:2010)

3. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HALAL

Pengguna Islam khususnya di Brunei Darussalam memberikan komitmen kepada produk-produk halal di pasaran. Komitmen yang diberikan adalah berikutan isu-isu produk halal yang diketengahkan oleh media massa negara jiran seperti isu sosej bercampur babi, mee berperisa babi, dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa pengguna di Brunei sudah mula mengambil peduli isu-isu berkenaan produk halal seperti isu penguatkuasaan oleh pihak Bahagian Makanan Hala (BKMH), Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Pemantauan dan penguatkuasaan pihak BKMH merupakan satu mekanisme bagi mengawal dan membendung ketidakpatuhan piawaian halal, penyalahgunaan, penyelewengan dan pemalsuan logo halal di dalam pasaran. Secara umumnya, pegawai-pegawai penguatkuasaan sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 25 (1) mempunyai kuasa untuk mengadakan aktiviti pemantauan undang-undang dan piawaian yang perlu dipatuhi oleh pengusaha yang memegang Sijil Halal. Selain itu kerjasama juga dijalankan di antara pihak BKMH dengan bantuan daripada agensi-agensi lain dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan halal yang berkaitan dengan kebersihan dan perlesenan.

Pemantauan dan penguatkuasaan BKMh menggunakan tiga kaedah utama, iaitu secara berkala, aduan dan susulan.

Pelaksanaan pemantauan secara berkala oleh pihak BKMh adalah pemeriksaan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa ke atas premis-premis, rumah penyembelihan serta kilang pengeluar produk yang mendapat pensijilan halal. Pemantauan secara berkala ini dilakukan pada bila-bila masa, iaitu selepas pensijilan halal dikeluarkan.

Operasi bersepadu juga dijalankan bersama dengan pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang dari pelbagai agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Polis Diraja Brunei, Jabatan Pertanian dan Agri makanan, Jabatan Bandaran dan Daerah.

Bagi pelaksanaan pemantauan BKMh secara aduan pula adalah berdasarkan aduan awam mengenai kesalahan berhubung pensijilan, penyalahgunaan logo halal, terdapat keraguan ke atas produk, premis, penyembelihan dan bahan ramuan, masalah kebersihan dan sebagainya.

4. KERJASAMA BADAN PENSIJILAN HALAL MABIMS

MABIMS ialah suatu bentuk kesepakatan serantau yang bergerak atas dasar keagamaan bagi menjaga maslahat dan kepentingan umat Islam tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara anggota.

Visi MABIMS yang ditubuhkan pada hari Isnin, 5 Muharram 1410H bersamaan 7 Ogos 1989M, adalah untuk mengukuhkan kesatuan dan menjadikan umat Islam

di negara anggota MABIMS umat yang progresif, cintakan kedamaian, membawa rahmat kepada seluruh alam serta menjadi rujukan bagi pembangunan umat Islam di dunia.

Misi MABIMBS untuk meningkatkan tahap kerjasama dalam membangun umat Islam di negara anggota MABIMS (dalaman) dari aspek-aspek daya tahan keagamaan dan mutu kehidupan beragama serta kesejahteraan sosio-ekonomi.

MABIMS juga berusaha meningkatkan peranannya di dalam program pembangunan dan kemanusiaan di luar rantau MABIMS (luaran) demi memperkukuh imej Islam yang positif di mata dunia.

Di antara bidang kerjasama yang telah disepakati oleh negara anggota MABIMS ialah Kerjasama Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal MABIMS. Sebanyak 8 pelan kerjasama yang berkaitan dengan pembangunan halal di antaranya Pelan Pengiktirafan Pensijilan Bersama.

Pengiktirafan halal terhadap sijil-sijil yang dikeluarkan oleh MUIB, MUI, JAKIM dan MUIS telah disepakati di kalangan anggota negara MABIMS, walau bagaimanapun kesepakatan tersebut hanya dibuat dalam keputusan mesyuarat dan tidak dimeterai dengan perjanjian persefahaman (MOU).

Sehubungan dengan itu, untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama tersebut dicadangkan satu memorandum persefahaman bersama di antara anggota Negara-negara MABIMS diadakan.

Memorandum persefahaman ini merujuk kepada suatu pernyataan persefahaman dan hasrat negara anggota MABIMS untuk berkerjasama antara satu sama lain dalam bidang-bidang tertentu tanpa mewujudkan suatu

hubungan perundangan dan tidak terikat kepada apa-apa obligasi, tanggungan atau liabiliti secara perundangan.

Memorandum persefahaman ini dihasratkan akan dapat :

- memperkukuh dan membangunkan lagi kerjasama di kalangan negara anggota MABIMS;
- meyakini keperluan kerjasama yang berpanjangan dan berkesan demi kepentingan negara anggota MABIMS;
- mempercayai bahawa kerjasama sedemikian akan digunakan bagi kepentingan bersama dan menyumbang kepada peningkatan dalam industri halal dan pembangunan sosial dan ekonomi negara anggota MABIMS.

Antara bidang kerjasama yang dicadangkan ialah:

- pengiktirafan sijil halal;
- pengharmonian prosedur dan kriteria pensijilan;
- standard ataupun piawaian halal;
- prosedur pengiktirafan badan pensijilan luar negara;
- latihan meningkatkan kemahiran para auditors dan pentadbiran halal;
- pertukaran maklumat mengenai fatwa dan penyelidikan halal.

Dicadangkan sasaran jangka masa menandatangani memorandum persefahaman ialah semasa mesyuarat MABIMS yang akan berlangsung pada tahun 2016 di Malaysia. Tatacara perjanjian tersebut akan dibincangkan semasa mesyuarat SOM ini ataupun ditentukan dalam perjumpaan yang lain.

Memorandum persefahaman itu nanti diharapkan akan dapat merancakkan bidang-bidang kerjasama yang sedia ada di antara negara anggota MABIMS di samping menjana bidang kerjasama yang baru yang memberi impak dan

manfaat kesejahteraan dan kemajuan ekonomi negara-negara anggota MABIMS.

Draf cadangan MoU tersebut disertakan sebagai **LAMPIRAN 1**

5. KESIMPULAN

Sebagai negara serumpun yang mempunyai pegangan agama dan budaya yang sama, MABIMS mempunyai kekuatan untuk membawa masyarakat rantau ini khususnya dan negara-negara Islam yang lain ke arah memperakui standard dan prosedur pensijilan halal yang ditelah disepakati oleh negara-negara MABIMS dan seterusnya menjadikannya sebagai tanda aras yang perlu diikuti dalam pensijilan halal.